

PERUTUSAN YB DATUK AARON AGO DAGANG, MENTERI PERPADUAN NEGARA SEMPENA HARI MALAYSIA KE-62

Pada tahun ini, kita menyambut **Hari Malaysia ke-62** dengan penuh kebanggaan dan rasa syukur. Tema sambutan ***“Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”*** membawa makna yang amat mendalam, iaitu setiap rakyat tanpa mengira kaum, agama, budaya, dan latar belakang merupakan aset negara yang mesti dihargai, disantuni serta dirangkul dalam semangat kebersamaan. Tema ini sangat dekat dengan aspirasi perpaduan nasional, kerana sebuah negara hanya akan berdiri teguh apabila rakyatnya saling mempercayai, menghormati, dan mengutamakan kepentingan bersama.

Malaysia terbina atas kepelbagaian kaum, agama, budaya, dan suku yang menjadi kekuatan unik serta aset paling bernilai bagi negara ini. Dari Semenanjung, kita mempunyai masyarakat Melayu, Cina, dan India yang telah lama bersama-sama membangunkan tanah air. Di Sabah pula, terdapat lebih 30 etnik dan ratusan sub-etnik seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Rungus, dan banyak lagi yang mewarnai khazanah budaya negeri. Manakala di Sarawak, kepelbagaian ini terserlah melalui masyarakat Iban, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu, serta pelbagai suku kaum lain yang kaya dengan adat dan tradisi. Kepelbagaian ini bukanlah jurang pemisah, sebaliknya menjadi jambatan penyatuan yang memperkaya identiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang harmoni.

Dengan ungkapan mudah, **Malaysia boleh diibaratkan sebagai sebuah “salad bowl” penuh dengan pelbagai sayur dan sos yang berbeza rasa, tetapi apabila digabungkan, menghasilkan kelazatan yang unik dan seimbang.** Begitu jugalah Malaysia; kepelbagaian kaum, agama, budaya, dan suku tidak melemahkan, sebaliknya memperkayakan negara ini dengan warna-warni tradisi, bahasa, dan kepercayaan yang hidup dalam satu wadah kebersamaan. Kepelbagaian ini ialah ramuan istimewa yang menjadikan Malaysia istimewa, sekali gus mengukuhkan semangat perpaduan

Apabila kita memperkatakan tentang sejarah pembentukan Malaysia, nama-nama besar para negarawan seperti **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Mustapha Harun, Tun Fuad Stephens, dan Tun Abdul Rahman Ya’kub** pasti terpahat sebagai tokoh yang memimpin rundingan serta menyatukan suara rakyat. Mereka inilah yang menjadi tonggak utama dalam memperjuangkan lahirnya Malaysia pada tahun 1963, hasil gabungan Semenanjung Tanah Melayu bersama Sabah dan Sarawak. Peranan mereka amat besar dalam memastikan lahirnya sebuah negara berdaulat, berpaksikan semangat kebersamaan, serta menjadi lambang kesatuan rakyat berbilang kaum.

Namun, pembentukan negara ini juga terhasil daripada pengorbanan dan keberanian rakyat jelata. Mereka jugalah yang menjadi nadi perjuangan, menyumbang tenaga, masa, dan jiwa raga agar negara ini mampu berdiri sebagai sebuah bangsa merdeka. Antara yang wajar dikenang ialah **Temenggung Jugah Anak Barieng** dari Sarawak, seorang pemimpin

masyarakat Iban yang memainkan peranan penting dalam menzahirkan sokongan rakyat terhadap penyertaan Sarawak ke dalam Malaysia dengan ungkapan terkenalnya, *“Anang Malaysia baka tebu, manis di pun tang tabar di ujung”* yang menyeru agar perpaduan Malaysia berkekalan. Begitu juga dengan **Sedomon Gunsanad Kina** dari Sabah, yang dikenali sebagai antara suara rakyat yang lantang menegaskan kepentingan perlindungan hak dan kedudukan negeri dalam gagasan Malaysia. Kisah-kisah pengorbanan pemimpin rakyat ini menunjukkan bahawa bukan sahaja tokoh negarawan, tetapi juga masyarakat di peringkat akar umbi telah memberi sumbangan besar dalam menjayakan lahirnya Malaysia.

Kisah pengorbanan ini menunjukkan bahawa **pemimpin rakyat juga adalah wira kemerdekaan, mereka yang sanggup berkorban demi negara tercinta** walaupun tidak tercatat sebagai tokoh utama dalam sejarah. Saya memilih untuk berkongsi kisah ini kerana ia amat bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, **“Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”**, yang menegaskan bahawa rakyatlah sebenarnya tonggak kekuatan negara. **Tanpa sumbangan rakyat, sama ada kecil ataupun besar, perjuangan kemerdekaan dan pembangunan Malaysia hari ini tidak mungkin menjadi kenyataan.**

Manakala, gerakan daripada komuniti untuk komuniti ini sebenarnya telah lama bertapak di negara kita. Pada 29 Ogos 2025, genaplah **50 tahun usia Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** yang sejak awal penubuhannya telah menjadi barisan hadapan dalam mempertahankan keselamatan komuniti serta penggerak utama kepada perpaduan negara.

Hari ini, jaringan KRT terus berkembang dengan hampir **8,586 Kawasan Rukun Tetangga** ditubuhkan di seluruh negara di bawah seliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, sekali gus membuktikan bahawa KRT kekal relevan sebagai platform mendekatkan rakyat serta mengukuhkan semangat kebersamaan.

Bukan itu sahaja, pada tahun ini Kementerian menerusi Arkib Negara Malaysia turut melancarkan inisiatif **Arkib Komuniti**. Jika dahulu fungsi Arkib lebih tertumpu kepada melindungi rekod kerajaan, **kini usaha ini diperluas kepada mengumpul bahan-bahan sejarah dan warisan yang banyak tersimpan di peringkat rakyat biasa**. Inisiatif ini bertujuan membantu komuniti dalam proses mengumpul, memperoleh, memelihara, dan mendokumentasikan sejarah serta warisan tempatan. Hal ini penting kerana kadangkala maklumat berharga lebih banyak tersimpan dalam ingatan rakyat generasi terdahulu, khususnya warisan keluarga, yang mampu melengkapkan rekod sejarah negara.

Namun, dalam era digital hari ini, kita berdepan dengan cabaran baharu yang boleh menggugat asas perpaduan. **Kebencian yang disemai, polarisasi yang halus, serta fitnah yang berlegar di media sosial sering menjadi racun yang meretakkan hubungan antara kaum dan agama**. Semua ini berpunca daripada sikap segelintir pihak yang menyalahgunakan teknologi untuk menyebarkan keburukan, bukannya kebaikan. Sehubungan itu, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia agar lebih bijak dan berhemah dalam menggunakan media sosial. Janganlah kita menjadi penyambung kepada berita palsu, janganlah kita menjadi penyebar kepada ujaran kebencian. Sebaliknya, marilah kita jadikan ruang

digital sebagai medan untuk menyebarkan kasih sayang, menyatukan masyarakat, serta memperkuat semangat Malaysia MADANI yang mementingkan nilai saling menghormati dan menyantuni antara satu sama lain.